

Persepsi Guru Pembimbing Terhadap Kemahiran Generik Guru-Guru Pelatih UTM

Megat Aman Zahiri Megat Zakaria*, Meor Ibrahim Kamaruddin, Mohd Ali Ibrahim, Abdul Razak Idris

Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: megataman@utm.my

Abstract

This study aims to compare assessments of lecturers and teacher advisors on trainee teacher's competency. This study involved 76 lecturers of Education Faculty, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) and 236 teacher advisors who supervised trainee teachers undergoing Teaching Practice programme for the 2010/2011 session in the state of Johor. The instrument used was the federal supervisor assessment score form. Data were analysed to find mean and to conduct t-test. Item reliability value was 0.910. Findings showed there was a significant difference ($p=0.000$) in assessment between lecturers and teacher advisors in aspects of teaching preparation, delivery of teaching, personality and professionalism. Besides that, there was a significant difference ($p=0.027$) in lecturers' assessment between trainee teachers from Mathematics and Science Department (MSD) and trainee teachers from Social Education Department (SED), between trainee teachers from Mathematics and Science Department and trainee teachers from Technical Education and Engineering Department (TEED) with a value of $p=0.030$. Lastly, there was also a significant difference in the assessment of teacher advisors between trainee teachers from MSD and TEED (p value= 0.000) and between trainee teachers from SED and TEED with p value= 0.026 .

Keywords: Trainee teachers; generic skills; assessment

Abstrak

Kemahiran generik amat penting bagi membolehkan guru melaksanakan tugas harian mereka di sekolah. Kajian ini dilakukan bagi meninjau persepsi guru pembimbing terhadap kemahiran generik guru pelatih semasa mereka menjalani latihan mengajar di sekolah. Kajian ini dijalankan ke atas 77 orang guru pembimbing yang terlibat dalam membantu guru pelatih semasa di latihan sekolah. Kajian ini dilakukan secara rawak di seluruh Negeri Johor. Instrumen berbentuk soal selidik telah dibina dan instrumen ini mempunyai nilai kebolehpercayaan alfa 0.97. Hasil kajian mendapati persepsi guru terhadap kemahiran generik guru-guru pelatih UTM berada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min 4.196. Soal selidik ini juga mendapati min bagi kemahiran Berkomunikasi adalah 4.043, Kemahiran Berpasukan 4.301, kemahiran Penyelesaian Masalah 3.679, kemahiran penyesuaian Diri 4.496, kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat 4.210, Keyakinan Diri 4.099 dan kemahiran beretika 4.543. Hasil kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelatih berasaskan min persepsi guru. Kertas ini juga turut membincangkan hubungan antara min persepsi guru dengan purata markah yang diperolehi oleh guru pelatih. Walaupun begitu dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa hubungan antara persepsi guru pembimbing dan markah yang diberikan kepada guru pelatih adalah sangat lemah iaitu dengan korelasi 0.045. Beberapa cadangan turut dibincangkan menerusi kertas ini.

Kata kunci: Guru pelatih; kemahiran generik; pentaksiran

© 2014 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Negara memerlukan sumber manusia yang berkualiti agar mereka mampu membentuk negara yang maju dan bebas tanpa bergantung kepada negara lain. Hishamuddin (2006) dalam perutusan sempena tahun baru menyatakan bahawa dalam dunia tanpa sempadan ini, anak-anak kita tidak lagi bersaing sesama mereka di dalam Malaysia, sebaliknya bersaing dengan seluruh masyarakat dunia. Warnoh (2003) pula menegaskan pendidikan berperanan sebagai pembentuk bangsa dan seterusnya kepada bangsa dengan mengeluarkan tenaga manusia mahir, melahirkan insan harmonis, warga negara yang cekap, berketrampilan, beretika, berilmu dan beriman, berkebolehan, berfikiran terbuka, kreatif dan inovatif, bijak mencari dan menggunakan maklumat yang diperolehi, serta memiliki ciri-ciri seorang keusahawanan.

Bagi memperoleh sumber manusia yang berkualiti, negara perlu melatih dan membekalkan pendidik secukupnya. Selain daripada mencukupi, pendidik ini juga hendaklah memiliki ciri-ciri yang diperlukan bagi membolehkan mereka melahirkan sumber manusia yang berpengetahuan, berketrampilan, bersahsiah, berahklak mulia, bersikap positif, dedikasi dan berdisiplin. Malah, mereka juga berperanan penting dalam membentuk masa depan anak-anak di samping ibu bapa. Mereka menjadi salah satu pendorong utama dalam memotivasikan anak-anak bagi mencapai cita-cita mereka. Apatah lagi pada zaman globalisasi yang penuh cabaran di mana ilmu tersebar luas dan datang dari pelbagai punca, maka guru berperanan membimbing anak-anak memilih dan mengasingkan antara ilmu yang baik dan ilmu yang patut dijauhi. Malah di zaman globalisasi, anak-anak bukan sahaja perlu memiliki pengetahuan sahaja, tetapi mereka juga perlu mempunyai kemahiran baik dari segi teknikal dan juga dari segi *soft skill* iaitu pandai berbahasa, berkomunikasi, kreatif dan berpandangan jauh. Agar mereka boleh bersaing dengan orang dari negara lain.

■2.0 PENERAPAN KEMAHIRAN GENERIK

Profesi perguruan amat mementingkan pengetahuan di mana menjadi tugas seorang guru untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan mendidik pelajar menjadi insan yang berguna kepada negara. Penekanan oleh kerajaan tentang aspek kemahiran insaniah ini amat bertepatan dan boleh menjadi kayu ukur kredibiliti seseorang guru. Kepentingan kemahiran generik telah diakui ramai dan menurut Mohd Safarin dan Kamarudin (2004), kemahiran generik adalah penting bagi ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Kemahiran-kemahiran yang diperlukan adalah seperti adaptabiliti, analitik, komunikasi, inisiatif, interpersonal, kepimpinan, keyakinan diri, dan bekerja dengan orang lain

Kemahiran generik juga biasanya dikenali sebagai *soft skills*, *employability skills*, *transferable skills*, dan lain-lain. Kemahiran generik diperlukan dalam semua aspek pekerjaan. Menurut Reigeluth (1999), kemahiran generik adalah kemahiran yang boleh digunapakai merentasi pelbagai subjek domain. Dengan menguasai kemahiran generik, seseorang individu akan dapat menyesuaikan diri dengan ebarang keadaan atau perubahan yang berlaku. Kemahiran generik menjadikan seseorang individu bersifat fleksibel, dinamik dan berketrampilan dalam melaksanakan tugas yang diberi. Kemahiran generik akan membantu pekerja dan majikan dalam melakukan tugas dengan sempurna dan secara berkualiti.

Menurut Dodrige (1999) pula, kemahiran generik adalah satu keperluan dalam meningkatkan pasaran kerja seseorang dan seterusnya membentuk ketrampilan mereka tempat kerja khususnya dalam aspek-aspek seperti berikut;

- boleh berfikir secara logik, kreatif dan seterusnya dapat membuat analisis yang tepat
- terbuka kepada idea-idea baru serta segala kemungkinan-kemungkinan dan mengadaptasi kepada pelbagai situasi baru
- bekerja dengan penyeliaan yang minima
- bekerja secara kumpulan dan seterusnya dapat menjadi ketua
- memahami serta membuat keputusan berdasarkan etika serta implikasi sosial dan ekonomi
- membuat keputusan dan menyelesaikan masalah secara berkesan
- mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi
- dapat mengadaptasi pengetahuan baru kepada situasi baru serta mempelajari kemahiran baru dengan mudah.

Kemahiran generik yang disarankan biasanya dapat diterapkan kepada pelajar menerusi dua cara iaitu secara terus menerusi matapelajaran tertentu di sekolah atau institusi pengajian tinggi atau menerusi kaedah merentas matapelajaran lain. Kaedah kedua ini yang lebih popular dan praktikal digunakan kerana ia tidak melibatkan secara khusus kemahiran generik diajar dan lebih mudah disalurkan menerusi matapelajaran lain. Pendekatan merentas matapelajaran lain membolehkan kemahiran generik diterapkan dalam pelbagai cara seperti penggunaan CD ROM, pembelajaran menerusi web dan lain-lain bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

■3.0 TUJUAN KAJIAN

Kajian bertujuan untuk meninjau persepsi guru pembimbing terhadap guru-guru pelatih UTM semasa menjalani latihan mengajar di sekolah atau secara khususnya ia bertujuan untuk:

- a) Menentukan tahap kemahiran generik guru-guru pelatih.
- b) Menentukan adakah wujud perbezaan min kemahiran generik yang signifikan di antara jantina guru pelatih yang diuji.
- c) Menentukan adakah wujud perkaitan kemahiran generik guru-guru pelatih dengan markah yang diberikan oleh guru pembimbing.

■4.0 METODOLOGI

Kajian ini telah dijalankan secara rawak ke atas 77 orang guru pembimbing di serata Johor yang mana UTM telah menempatkan guru-guru pelatih. Populasi asal guru pembimbing adalah seramai 231 orang. Data telah dipungut secara rawak dan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif telah digunakan. Guru-guru pembimbing diberikan satu set soal selidik yang mengandungi 36 soalan berbentuk skala likert 1 hingga 5 yang mewakili “sangat tidak setuju” sehinggalah “sangat setuju”. Instrumen ini telah diuji dan nilai pekali kebolehpercayaan yang diperolehi adalah 0.97 pada alfa 0.05. Instrumen telah diedarkan secara atas talian dan data yang dikutip dihubungkan dengan keputusan atau markah yang diberikan oleh guru kepada guru pelatih. Pengkaji juga menetapkan tahap dengan menggunakan kaedah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Tafsiran tahap berdasarkan nilai min yang diperolehi

Nilai Min	Tafsiran
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

5.0 ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN

5.1 Apakah Tahap Kemahiran Generik Guru-Guru Pelatih Menurut Persepsi Guru Pembimbing.

Hasil dari analisis yang dijalankan, didapati bahawa kemahiran generik guru-guru pelatih adalah berada pada tahap yang tinggi di mana min purata yang dicatatkan adalah 4.196 dan sisihan piawai adalah 0.805. Kemahiran beretika mencatatkan min tertinggi iaitu 4.543, disusuli dengan min kemahiran penyesuaian diri, 4.496 manakala min kemahiran penyelesaian masalah mencatatkan min terendah iaitu 3.679. Jadual hasil analisis boleh dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2 Konstruk kemahiran generik dan nilai min yang diperolehi

Konstruk	Min	SisihanPiawai
Kemahiran Berkomunikasi	4.043	.85771
Kemahiran Berpasukan	4.301	.89346
Kemahiran Penyelesaian Masalah	3.679	.83593
Kemahiran penyesuaianDiri	4.496	.83704
Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat	4.210	.95361
Keyakinan Diri	4.099	.91802
Kemahiran Beretika	4.543	.83468
Purata Min	4.196	.80506

5.2 Adakah Wujud Perbezaan Min Kemahiran Generik yang Signifikan di Antara Jantina Guru Pelatih yang Diuji

Jadual 3 menunjukkan dapatan bagi ujian ANOVA bagi min kemahiran generik berasaskan jantina guru pelatih. Hasil kajian jelas menunjukkan jantina guru pelatih tidak menentukan tahap kemahiran generik mereka. Kajian yang melibatkan jantina ini menunjukkan $F = .370$ ($df_{(1,76)}$, $\alpha = 0.05$) dan nilai signifikannya adalah 0.545 ($p > 0.05$). Ini juga dapat dilihat dalam Jadual 4 di mana min kemahiran generik guru pelatih lelaki dan perempuan adalah 4.07 dan 4.25 masing-masing.

Jadual 3 Ujian ANOVA sehala bagi min kemahiran generik berasaskan jantina guru pelatih.

	SS	df	MS	F	Sig.
Between Groups	.063	1	.063	.370	.545
Within Groups	12.222	76	.170		
Total	12.285	77			

Jadual 4 Min kemahiran generik mengikut jantina

Jantina	kemahiran Generik
Lelaki	4.07
Perempuan	4.25
Purata	4.19

5.3 Adakah Wujud Perkaitan Kemahiran Generik Guru-Guru Pelatih dengan Markah yang Diberikan Oleh Guru Pembimbing

Bagi tujuan kajian yang ketiga ini, pengkaji telah melakukan hubungan antara markah yang diberikan oleh guru pembimbing kepada guru pelatih dengan persepsi kemahiran generik guru pelatih pada penilaian guru pembimbing. Hasil analisis didapati bahawa hubungan antara

persepsi kemahiran generik guru-guru pelatih tidak ada hubungan yang signifikan dengan markah yang mereka perolehi semasa menjalani latihan mengajar. Nilai korelasi yang diperolehi adalah 0.045 dan ianya adalah sangat lemah.

■6.0 KESIMPULAN

Hasil analisis data yang telah dijalankan, terbukti bahawa tahap kemahiran generik pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan, UTM berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan min 4.196. Berdasarkan kajian juga dapat dikatakan bahawa tahap kemahiran generik pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan berada pada tahap yang tinggi bagi kesemua konstruk yang dikaji. Ini selaras dengan dapatan kajian oleh Baharin Abu dan Magrit Oligung (2010) dan Mohd Adib *et al.* (2008) yang mendapati pelajar di Fakulti Pendidikan mempunyai tahap kemahiran generik yang tinggi. Kajian seumpama ini juga pernah dilakukan oleh Yahya *et al.* (2006) yang juga mendapati Kemahiran “Employability” bagi pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan juga adalah tinggi.

Rujukan

- Dodrige. (1999). *Generic Skill Requirement for Engineer in the 21st Century*. United Kingdom: School of engineering Universty of Derby.
- Lukman Ismail. (2005). *Utusan Malaysia*. Jumaat, 27 Mei 2005, ms 7.
- Mok Soon Sang. (2003). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (komponen 3: Profesionalisme Keguruan)*. Sekolah Rendah. Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mohd. Najib Ghafar. (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahamad Sipon. (2005). Perutusan Hari Guru 2005. Online: <http://www.moe.edu.my/hariguru/perutusanKPPM.htm> [20 Feb 2007]
- Universiti Teknologi Malaysia. (14 Feb 2007). Kertas Cadangan Senat.
- Pelan Induk Pendidikan 2006-2010. (2006). Online : <http://www.moe.gov.my/> [20/4/2007].